Arahan: *Jawab* **semua** *soalan dalam setiap bahagian.*

Bahagian A
[15 *markah*]

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.

1. Bidang akuakultur _____ sebagai satu daripada sumber utama untuk meningkatkan pengeluaran ikan negara.
   A diguna pakai **C** dikemas kini
   B diambil alih **D** dikenal pasti

2. Murid itu disenangi oleh banyak orang kerana memiliki akhlak dan sahsiah yang _____.
   A terkuat **C** terpuji
   B tertinggi **D** teratur

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong** *dengan betul.*

3. I Kesihatan Encik Amri semakin *merosot* setelah mengalami demam panas.
   II Pendapatan negara dijangka *merosot* kesan ketidakstabilan ekonomi dunia.
   III Sejak pengambilalihan syarikat, prestasi para pekerja agak *merosot*.
   IV Ibu menyuruh kakak *merosot* pakaian sekolahnya sebelum tidur.
   A I dan II sahaja
   B III dan IV sahaja
   C I, II, dan III sahaja
   D II, III, dan IV sahaja

4. I Mazni membuang barang-barang yang tidak *berguna* semasa mengemas rumah.
   II "Jadilah manusia yang *berguna* kepada negara," pesan datuk kepada cucu-cucunya.
   III Pokok kelapa dan pokok getah merupakan contoh pokok *berguna*.
   IV Beg kertas itu boleh *berguna* bagi menggantikan beg plastik.
   A I dan II sahaja
   B III dan IV sahaja
   C I, II, dan III sahaja
   D II, III, dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang **bergaris** *dalam ayat-ayat yang berikut* **mungkin mengandungi kesalahan** *penggunaan bahasa atau* **mungkin juga tidak.**

Tandakan sama ada **A**, **B**, *atau* **C** *jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan* **D** *jika* **tiada kesalahan**.

5. Tutup <u>semua bekas-bekas simpanan</u> air untuk mencegah pembiakan nyamuk.
   A bekas semua simpanan
   B semua bekas simpanan
   C bekas-bekas semua simpanan
   D semua bekas-bekas simpanan

6. Kejohanan sukan antarabangsa itu <u>TV1 siarkan secara langsung</u>.
   A langsung tersiar di TV1
   B menyiarkan secara langsung oleh TV1
   C disiarkan oleh TV1 secara langsung
   D TV1 siarkan secara langsung

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang **betul**.

7. I Pasukan bola jaring sekolah itu dinobatkan sebagai juara dua tahun berturut-turut.
   II Dengan bersenam secara teratur, kita dapat meningkatkan kecergasan diri.
   III Benda yang biasanya menjadi perhatian peragut adalah beg tangan.
   IV Tolong jangan berbuat bising ketika guru sedang bermesyuarat di pejabat.
   A I dan II sahaja **C** I, II, dan III sahaja
   B III dan IV sahaja **D** II, III, dan IV sahaja

8. I Encik Malik diundang untuk memberikan ucapan bersempena dengan majlis persaraannya.
   II Kasmani menemukan sebentuk cincin permata delima ketika membersihkan longkang di tepi rumahnya.
   III Stadium bola sepak itu akan ditutup sementara untuk kerja-kerja pengubahsuaian.
   IV Pemuda itu terkejut lalu melarikan diri bila disergah oleh pegawai polis.
   A I dan II sahaja **C** I, II, dan III sahaja
   B III dan IV sahaja **D** II, III, dan IV sahaja

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang **sama** *atau maksud yang* **paling hampir** *dengan* **ayat yang dicetak tebal**.

9. Sudah disiapkan oleh mereka kerja-kerja pengubahsuaian rumah yang baru dibeli oleh Encik Amir.

A Mereka sedang melakukan kerja-kerja pengubahsuaian rumah baharu Encik Amir.

B Kerja-kerja pengubahsuaian rumah yang baru dibeli oleh Encik Amir telah disiapkan oleh mereka.

C Kerja-kerja untuk mengubah suai rumah baharu Encik Amir sedang dilakukan oleh mereka.

D Rumah baharu yang dibeli oleh Encik Amir telah diubah suai oleh mereka sehingga siap.

Soalan 10

Pilih **peribahasa** *yang paling* **sesuai**.

10. Peribahasa yang berikut membawa maksud musuh yang tidak disedari, **kecuali**

A api dalam sekam.

B gunting dalam lipatan.

C musuh dalam selimut.

D cacing hendak menjadi naga.

LIVEWORKSHEETS